

## **Kempen “Jom Bayar Melalui JomPAY Majlis Daerah Mersing”**

### **Penafian**

Kempen “Jom Bayar Melalui JomPAY Majlis Daerah Mersing” ini (“Kempen”) dijalankan sepenuhnya dan secara bebas oleh Majlis Daerah Mersing (No Pendaftaran: MD7981818M) (“MDM”) yang mana Public Bank Berhad dan ahli gabungannya (secara kolektif dikenali sebagai “Kumpulan PBB”) tiada kawalan ke atas Kempen ini. Penyertaan dalam Kempen ini adalah atas risiko peserta sendiri.

Kumpulan PBB tidak mempunyai kaitan dalam apa jua cara dengan MDM dan tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan, bagaimanapun atas barang dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh MDM, sama ada berkaitan dengan Kempen ini atau sebaliknya. Kumpulan PBB tidak membuat jaminan, representasi atau perjanjian, secara nyata atau tersirat berkaitan dengan barang dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh MDM dan semua perkara berkaitan dengan Kempen ini.

Kumpulan PBB menafikan kesemua liabiliti bagi apa-apa kerugian dan/atau ganti rugi termasuk tetapi tidak terhad pada apa-apa kerugian secara langsung dan tidak langsung dan kerugian berikutan daripadanya, bagaimanapun yang ditanggung oleh peserta atau mana-mana pihak ketiga yang timbul daripada atau berkaitan dengan Kempen ini.

Sekiranya terdapat apa-apa pertikaian atau perkara berkaitan dengan Kempen ini, peserta perlu berhubung secara terus dengan MDM.

### **Terma dan Syarat**

Berikut merupakan Terma dan Syarat yang diterima pakai bagi Kempen ini: -

1. Kempen ini dianjurkan oleh Majlis Daerah Mersing (No. Pendaftaran: MD7981818M) (“MDM”) yang akan bermula pada 1 Jun 2024 00:00:00 hingga 31 Julai 2024 23:59:59 Waktu Malaysia (“**Tempoh Kempen**”). Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Kempen akan hilang kelayakan secara automatik.
2. Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, peserta bersetuju untuk mematuhi kesemua terma dan syarat di bawah (“Terma dan Syarat”).

### **3. Kelayakan Kempen**

3.1 Tertakluk pada Terma dan Syarat ini, Kempen ini terbuka kepada pelanggan MDM SAHAJA yang: -

- a) mempunyai akaun bank peribadi sah yang dibuka di Malaysia;
- b) telah mencapai umur 18 tahun, waras, mampu bayar dan tidak mempunyai apa-apa tindakan atau prosiding dalam apa jua bentuk yang akan dikenakan terhadapnya; dan
- c) tiada bayaran belum jelas dengan MDM.

- d) membuat bayaran kepada MDM melalui JomPAY dengan Kod Pengebil MDM (Majlis Daerah Mersing: 5686 & 874511) melalui Perbankan Internet, Perbankan Mudah Alih atau ATM di mana-mana bank ahli yang mengambil bahagian dalam JomPAY. (“**Urus niaga yang Layak**”).

Pelanggan yang memenuhi kriteria di atas ditakrifkan dalam ini sebagai “**Peserta yang Layak**”. Bagaimanapun, pengarah, pegawai dan kakitangan MDM dan Pengendali Skim JomPAY serta ibu bapa, suami atau isteri dan anak-anak mereka tidak layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini mahupun memenangi apa-apa hadiah.

3.2 Urus niaga yang berikut TIDAK dianggap sebagai Urus niaga yang Layak dan tidak akan dipilih untuk penyertaan dalam Kempen ini: -

- a) urus niaga yang selepas itu dibatalkan atau dipulangkan balik (sama ada pembatalan atau pulangan balik sepenuhnya atau sebahagiannya bagi lebihan bayaran balik) termasuk tetapi tidak terhad pada urus niaga yang dibatalkan oleh MDM, bank yang mana urus niaga JomPAY itu dibuat, atau Payments Network Malaysia Sdn Bhd (“Pengendali Skim JomPAY”) atas apa jua sebab; atau
- b) urus niaga yang dipertikai atau dianggap tanpa kebenaran atau berbentuk penipuan.

#### 4. Mekanisme Kempen

4.1 Hanya pelanggan MDM yang membuat Urus niaga yang Layak dan mematuhi kriteria kelayakan yang disebut dalam ini dan Terma dan Syarat ini akan dipertimbangkan sebagai Peserta yang Layak.

4.2 Tanpa mengambil kira perkara di atas, hak untuk menentukan Peserta yang Layak/Pemenang yang Terpilih adalah atas budi bicara MDM sepenuhnya dan semua keputusan yang dibuat adalah muktamad, konklusif dan mengikat.

##### Hadiah Tunai

4.3 Hadiah Tunai yang ditawarkan di bawah Kempen ini adalah seperti yang berikut:

a)

Kategori	Hadiah	Jumlah Pemenang	Jumlah Hadiah
Hadiah Tunai	RM50	200	<b>RM10,000</b>

- b) Peserta yang Layak hanya layak untuk memenangi maksimum satu (1) Hadiah Tunai sepanjang Tempoh Kempen.

- c) Melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Terma dan Syarat ini, apa-apa pertukaran atau penggantian, atau pengubahsuaian terhadap Hadiah Tunai yang diminta oleh pemenang tidak akan dibenarkan.
- d) MDM berhak untuk menukar atau menggantikan Hadiah Tunai yang ditawarkan dalam Kempen ini dengan hadiah tunai yang sama nilai tanpa memberi notis terlebih dahulu.

#### 4.4 Notis mengenai Pemenang yang Terpilih dan Tuntutan Hadiah Tunai

- a) Pemenang akan dipilih oleh MDM atas dasar siapa cepat, dia dapat (“Pemenang yang Terpilih”).
- b) Semua Pemenang yang Terpilih akan diberi notis secara bertulis atau melalui e-mel, atau apa-apa cara komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh MDM.
- c) Pemenang yang terpilih hendaklah dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab sepenuhnya sekiranya berlaku apa-apa kemalangan, kecederaan, kerosakan, kerugian atau tuntutan berikutan penyertaan dalam Kempen ini, penebusan dan/atau penggunaan Hadiah Tunai tersebut. MDM tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa liabiliti, kerugian, kerosakan atau tuntutan yang ditanggung oleh pihak ketiga atau Peserta yang Layak atau Pemenang yang Terpilih dalam apa jua cara semasa dan selepas Kempen ini.
- d) MDM berhak untuk meminta apa-apa dokumentasi atau bukti sokongan pengenalan Pemenang yang Terpilih sebelum pemberian Hadiah Tunai. Hadiah Tunai akan ditarik balik sekiranya Pemenang yang Terpilih tidak dapat melengkapkan atau tidak berjaya melepasi proses penentusahan, atau sekiranya dokumen penentusahan yang dikemukakan berbeza dalam apa jua cara dengan maklumat yang diberi kepada MDM.
- e) MDM mengikut budi bicara mutlaknyanya, berhak untuk memilih Pemenang lain bagi menggantikan mana-mana Pemenang yang mungkin tidak layak atau hilang kelayakan atas apa jua sebab tanpa memberi apa-apa alasan kepadanya.
- f) Semua hadiah tidak boleh dipindah milik, diserahkan hak atau ditukar untuk tunai atau barang.

## 5. Terma dan Syarat Am

- 5.1 MDM mengikut budi bicara mutlaknyanya boleh membatalkan, mengubah atau menggantung Kempen ini sekiranya Kempen ini tidak dapat diteruskan atas apa jua sebab termasuk tetapi tidak terhad pada virus komputer, godaman, campur tangan yang tidak dibenarkan, penipuan, masalah teknikal, perubahan undang-undang atau apa-apa di luar kawalan MDM.

- 5.2 MDM merupakan satu-satunya pihak yang bertanggungjawab atas hadiah, penganjuran dan pelaksanaan Kempen ini. Apa-apa pertanyaan berkaitan dengan Kempen ini hendaklah dibuat secara terus kepada MDM.
- 5.3 MDM tidak akan dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab, mahupun menerima apa-apa liabiliti dalam apa jua bentuk dan bagaimana sekalipun yang timbul atau ditanggung oleh mana-mana Peserta yang Layak secara langsung atau tidak langsung berikutan Kempen ini. Semua keputusan yang dibuat oleh MDM berkaitan dengan Kempen ini, termasuk tetapi tidak terhad pada Terma dan Syarat ini, Mekanisme Kempen, penyenaraian pendek, pemilihan Pemenang dan/atau penarikan balik Hadiah adalah muktamad, konklusif dan mengikat.
- 5.4 MDM berhak untuk meminda, memendekkan, mengubah, menggantung atau membatalkan Kempen ini atau Terma dan Syarat ini dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya selama lima (5) hari melalui laman webnya atau apa-apa cara lain mengikut budi bicara mutlaknya kepada Peserta yang Layak. Pampasan dalam bentuk tunai atau apa jua bentuk tidak akan diberi bagi apa-apa kos, perbelanjaan, kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang Layak disebabkan oleh tindakan ini.
- 5.5 Dengan membuat Urus niaga yang Layak dan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat dalam ini.
- 5.6 Dengan membuat Urus niaga yang Layak dan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak/Pemenang yang Terpilih memberi keizinan dan membenarkan MDM untuk mendedahkan atau menggunakan maklumat Peserta yang Layak dan/atau butiran lain mengenai atau berkaitan dengan Peserta yang Layak, Urus niaga yang Layak atau Kempen ini kepada mana-mana pihak berkaitan termasuk tetapi tidak terhad pada bank yang mana urus niaga JomPAY dibuat atau Pengendali Skim JomPAY bagi tujuan menjalankan Kempen ini, termasuk pengumuman Pemenang Terpilih melalui laman web MDM dan pelbagai tujuan lain seumpamanya seperti yang MDM anggap sesuai dan wajar.
- 5.7 Penyedia Platform JomPAY atau MDM tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa urus niaga yang lewat, tertunda, tidak lengkap, tersalah hantar atau tidak dapat dihantar semasa Tempoh Kempen, sama ada oleh Pengendali Skim JomPAY atau sebaliknya.
- 5.8 Pengendali Skim JomPAY dan/atau MDM tidak akan dipertanggungjawabkan atas apa-apa kesilapan disebabkan oleh bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, sekatan masuk, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, wabak, pandemik, kegagalan tenikal atau sistem atau apa-apa kejadian di luar kawalan munasabah MDM /Pengendali Skim JomPAY

- 5.9 Terma dan syarat ini hendaklah dikawal dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia dan Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah di Malaysia.
- 5.10 Ketaksahan, kepenyalahan undang-undang atau ketidakbolehkuatkuasaan mana-mana bahagian terma dan syarat dalam ini tidak akan menjejaskan penguatkuasaan berterusan baki Terma dan Syarat ini dan/atau Kempen ini.

TAMAT